

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KOTA BHARU

DALAM NEGERI KELANTAN DARUL NAIM, MALAYSIA

RAYUAN SIVIL NO: DA-12B-18-07 TAHUN 2022

ANTARA

- 1) MUHAMMAD RUSHDAN SYAFIQ BIN RUSLAN
- 2) ZURAIDA BINTI DZULKAFLY ... PERAYU-PERAYU

DAN

MUHAMMAD IBNUL QAYYUM BIN MOHD WAJIHAN ... RESPONDEN

[DALAM MAHKAMAH SESYEN DI KOTA BHARU

DALAM NEGERI KELANTAN DARUL NAIM, MALAYSIA

SAMAN NO: DA-A53KJ-177-05/2020

ANTARA

MUHAMMAD IBNUL QAYYUM BIN MOHD WAJIHAN ... PLAINTIF

DAN

- 1) MUHAMMAD RUSHDAN SYAFIQ BIN RUSLAN
- 2) ZURAIDA BINTI DZULKAFLY ... DEFENDAN-DEFENDAN]



ALASAN PENGHAKIMAN

(Kandungan 5)

Pendahuluan

- [1] Kes ini melibatkan permohonan oleh Perayu untuk kebenaran Mahkamah ini untuk melanjutkan tempoh bagi Perayu memfailkan Rekod Rayuan (RR). Ini memandangkan telah berlaku kelewatan di peringkat Perayu.
- [2] Alasan kelewatan adalah disebabkan berlaku kesilapan di pihak peguam Perayu semasa pemfailan RR pada kali pertama yang disebabkan oleh kesilapan memfailkan 2 Notis Rayuan (NR). Kesilapan pemfailan NR menyebabkan wujud 2 nombor kes dan semasa pemfailan RR, peguam Perayu telah menggunakan nombor kes rayuan yang telah ditarikbalik.

Bantahan awal Perayu

- [3] Sebelum pendengaran rayuan, peguam Perayu telah membangkitkan bantahan berkaitan kelewatan pihak Res di dalam memfailkan Afidavit Jawapan iaitu selepas tempoh 14 hari. Mahkamah walaubagaimanapun mendapati bahawa bantahan oleh Perayu ini tidak bermerit kerana penyerahan Notis Permohonan (NP) dan Afidavit Sokongan (AS) adalah pada 6/9/2022. Oleh itu tempoh 14 hari adalah berakhir pada 20/9/2022. Memandangkan



Afidavit Jawapan (AJ) difailkan pada 19/9/2022, maka pemfailannya masih di dalam tempoh waktu yang dibenarkan.

Prinsip undang-undang berkaitan Aturan 3 kaedah 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012)

- [4] Berkaitan permohonan perlanjutan, ia adalah sepertimana yang diperuntukkan di bawah Aturan 3 kaedah 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012) dan di dalam kes **Thiruchelvasegaram Manickavasegar v. Mahadevi Nadchatiram [1998] 4 CLJ 883; [1998] 4 MLJ 297**, Mahkamah Rayuan telah memberi panduan berkaitan perlanjutan masa seperti berikut:

“Under O. 3 r. 5(1) and (2) of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC'), the court has jurisdiction to extend time even if the application is made after the expiry of the period. The primary consideration in exercising discretion to extend time is whether the party can clearly demonstrate that there was no intention to ignore or flout the order and that the failure to obey was due to extraneous circumstances.”

- [5] Selain itu, Pemohon juga perlu membuktikan terdapat alasan yang kukuh serta munasabah. Ini telah dinyatakan oleh Hakim KN Segara HMT (pada ketika itu) di dalam kes **Ibrahim Dahaban & Ors v. Mohd Daud Mohd Yusof & Anor [2000] 5 CLJ 600** seperti berikut:



"[2] The granting or dismissal of an application for extension of time is very much a discretionary matter. Full and frank disclosure must be made in the affidavit in support. This was not so in this case. Nevertheless, counsel should be commended for being brave, honest and responsible in admitting her mistake from the Bar. However, a solicitor's mistake and omission to be vigilant cannot be accepted as an explanation and ground to grant an extension of time. The principle to be gleaned from several Federal Court decisions is that the mistake of a solicitor or the solicitor's clerk is not a sufficient ground to grant an extension of time.

[3] Rules of court must prima facie be obeyed. There was no material placed before the court which justified the exercise of the court's discretion in favour of the appellants to grant an extension of time to file the record of appeal."

[6] Selain itu, Mahkamah juga perlu memastikan bahawa perlanjutan masa jika dibenarkan tidak akan mengakibatkan kepada ketidakadilan ke atas pihak yang satu lagi dan ianya juga boleh dipampas dengan kos (rujuk; **Puncak Klasik Sdn Bhd v. Seok Kim Leow [1996] 4 CLJ 399; [1996] 5 MLJ 241**).

Analisis dan dapatan Mahkamah

[7] Di dalam kes ini, Mahkamah mendapati telah berlaku kesilapan menaip yang pada pandangan Mahkamah adalah munasabah untuk diterima penjelasannya. Ia lebih merupakan satu kesilapan yang tidak disengajakan dan bukan merupakan satu kegagalan



atau kecuaiian peguam Perayu. Ianya juga hanya disedari oleh peguam Perayu semasa hari pengurusan kes yang pertama iaitu pada 9/8/2022.

- [8] Menurut rekod Mahkamah, peguam Perayu turut telah memaklumkan kepada Mahkamah semasa pengurusan kes kali kedua iaitu pada 18/8/2022 berkaitan hasrat Perayu untuk memfailkan Notis Permohonan bagi perlanjutan masa yang difailkan menerusi permohonan ini.

- [9] Peguam Responden membantah permohonan ini dengan alasan bahawa kecuaiian peguam yang disandarkan oleh Perayu bukanlah merupakan alasan kukuh dengan merujuk kepada kes **Ibrahim Dahaban & ors v Mohd Daud Mohd Yusof & anor [2000] 5 CLJ 600** dan kes **Cheah Teong Tat v Ho Gee Seng [1974] 1 MLJ 31**.

- [10] Namun Mahkamah dapati kedua-dua kes harus dibezakan dan Mahkamah menekankan bahawa teras bagi penolakan perlanjutan masa selalunya jika berlaku kelewatan yang disengajakan . Di mana jelas di dalam kes ini, peguam Perayu telah mengambil tindakan yang munasabah.

- [11] Mahkamah turut berpandangan adalah tidak adil bagi Perayu diprejudiskan haknya untuk meneruskan rayuan henya semata-mata di atas kesilapanmenaip peguamnya.



- [12] Di dalam kes **Robin anak Imbal v. SAC Dato' Mohd Rodzi Ismail & yang lain [2017] 1 LNS 1782** isu yang berbangkit adalah berlaku kelewatan ekoran kekhilafan di pihak peguam dalam memberi nasihat guaman kepada Pemohon. Hakim Mohd Yazid Haji Mustafa HMT memutuskan bahawa Pemohon tidak wajar dihukum atas kekhilafan ini apabila menyatakan kedudukan undang-undang adalah mantap seperti berikut:

"...The Applicant should not suffer or be penalised for the mistake on the part of solicitors on the issue of time frame provided by law in regards to judicial review application at the High Court as ordinarily a litigant does not stand to benefit by resorting to delay and in fact he runs a serious risk..."

- [13] Berdasarkan kepada analisis ini, Mahkamah berpuashati bahawa terdapat merit di dalam NP oleh Perayu. Sayugia itu, Mahkamah memutuskan untuk membenarkan permohonan di K5 dengan kos dijadikan kos dalam kausa.

Bertarikh: 21hb. September, 2023



(DATUK MOHAMAD ABAZAFREE BIN MOHD ABBAS)

Hakim

Mahkamah Tinggi (2) Kota Bharu

Kelantan



Pihak-pihak:

Bagi Pihak Perayu: Norizan binti Ab Rahman
Tetuan Tetuan V.P. Nathan & Partners
Peguambela dan Peguamcara
Lot 2502, Tingkat Satu
Taman Kenangan
15200 Kota Bharu
Kelantan.

Bagi Pihak Responden: Noor Azizah binti Abdullah
Tetuan Azhar Fazuny
No. F3, Lot 478, Seksyen 14
Jalan Bayam
15200 Kota Bharu
Kelantan

Tarikh Bicara: 14hb. Disember, 2022

Tarikh Keputusan: 02hb. Februari, 2023



S/N GgDj3fGnE0WjUGRjry6G3w

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Undang-Undang Yang Dirujuk:

- *Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012*

Kes-Kes Yang Dirujuk:

- *Thiruchelvasegaram Manickavasegar v. Mahadevi Nadchatiram [1998] 4 CLJ 883; [1998] 4 MLJ 297*
- *Ibrahim Dahaban & Ors v. Mohd Daud Mohd Yusof & Anor [2000] 5 CLJ 600*
- *Puncak Klasik Sdn Bhd v. Seok Kim Leow [1996] 4 CLJ 399; [1996] 5 MLJ 241*
- *Ibrahim Dahaban & ors v Mohd Daud Mohd Yusof & anor [2000] 5 CLJ 600*
- *Cheah Teong Tat v Ho Gee Seng [1974] 1 MLJ 31*
- *Robin anak Imbal v. SAC Dato' Mohd Rodzi Ismail & yang lain [2017] 1 LNS 1782*

